

AmFIRST REAL ESTATE INVESTMENT TRUST

[Ditubuhkan di Malaysia di bawah Surat Ikatan bertarikh 28 September 2006 ("Surat Ikatan Asal") (sebagaimana dipinda melalui Surat Ikatan Ditambah, Disemak dan Dinyatakan Semula bertarikh 15 Disember 2006 ("Surat Ikatan Pertama"), Surat Ikatan Kedua bertarikh 13 September 2013 ("Surat Ikatan Kedua") dan Surat Ikatan Ketiga bertarikh 12 Jun 2020 ("Surat Ikatan Ketiga")) ditandatangani di antara AmREIT Managers Sdn Bhd dan Maybank Trustees Berhad, syarikat-syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965]

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KESEMBILAN

NOTIS ADALAH DENGAN INI DIBERI BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan yang Kesembilan ("MAT Kesembilan") bagi Pemegang-Pemegang Unit AmFIRST Real Estate Investment Trust ("AmFIRST REIT") akan dikendalikan menerusi penstriman langsung dan pengundian dalam talian melalui fasilitasi Pengundian Elektronik Penyertaan Jauh atau *Remote Participation Electronic Voting ("RPEV")* secara maya bagi mempertimbangkan dan jika bersesuaian, akan diluluskan dengan atau tanpa mengubahsuai resolusi-resolusi yang dinyatakan di dalam notis ini.

Pentas Mesyuarat : <https://web.lumiagm.com>
Hari dan Tarikh : **Rabu, 7 Julai 2021**
Masa : **10:00 pagi**
Tempat Penyiaran : **Symphony Square Auditorium 3A Floor, No. 5 Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia**

URUSAN BIASA

(1) Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2021 AmFIRST REIT bersama dengan Laporan Pemegang Amanah dan Juraudit.

URUSAN KHAS

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya didapati sesuai, untuk meluluskan resolusi-resolusi yang berikut:-

(2) CADANGAN PEMBERIAN KUASA UNTUK MEMPERUNTUKKAN DAN MENERBITKAN UNIT-UNIT BARU SELARAS DENGAN PERENGGAN 6.59 KEPERLUAN PENYENARAIAAN PASARAN UTAMA BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD ("CADANGAN PENGUATKUASAAN") **RESOLUSI BIASA NO. 1**

"BAHAWA selaras dengan syarat-syarat Penyenaiaan Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan kelulusan dari pihak berkuasa dan/atau pihak-pihak berkenaan, di mana kelulusan adalah diperlukan, Lembaga Pengarah AmREIT Managers Sdn Bhd ("Pengurus") ("Para Pengarah") adalah dengan ini diberi kuasa mutlak untuk memperuntukkan dan menerbitkan unit-unit baharu dalam AmFIRST REIT ("Unit-Baru") dari masa ke semasa kepada orang-orang tertentu dan untuk tujuan-tujuan tertentu menurut budi bicara Para Pengarah yang dianggap wajar dan demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT dan Pemegang Unitnya dengan syarat bahawa bilangan agregat Unit Baru apabila diagregatkan dengan bilangan Unit-Unit yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini selama dua belas (12) bulan sebelumnya, tidak melebihi 20% daripada jumlah bilangan Unit AmFIRST REIT sedia ada yang diterbitkan pada ketika ini.

DAN BAHAWA Cadangan Penguatkuasaan akan berkuatkuasa dan akan terus berkuatkuasa mulai tarikh tarikh penerimaan kelulusan semua pihak berkuasa yang berkaitan atau tarikh Pemegang Unit meluluskan resolusi ini, mana yang mungkin kemudian, sehingga:

- kesimpulan MAT pemegang-pemegang unit berikutnya pada masa ia akan luput, melainkan dengan ketetapan yang disahkan dalam mesyuarat, penguatkuasaan diperbaharui; atau
- tamatnya tempoh MAT pemegang-pemegang unit berikutnya selaras dengan undang-undang; atau
- Cadangan Penguatkuasaan dibatalkan atau diubah oleh pemegang saham dalam mesyuarat pemegang-pemegang unit;

Mana-mana yang berlaku terlebih dahulu;

Unit Baru yang akan diterbitkan selaras dengan resolusi ini akan, atas peruntukkan dan terbitan bertaraf sama rata dalam semua aspek dengan Unit-unit yang telah sedia ada, kecuali bahawa Unit Baru tidak akan berhak kepada sebarang pendapatan yang boleh diagihkan, hak-hak, manfaat, kelayakan dan/atau lain-lain pengagihan yang mungkin diisytiharkan sebelum tarikh peruntukkan dan terbitan Unit Baru tersebut.

DAN BAHAWA Para Pengarah dan Maybank Trustees Berhad ("Pemegang Amanah"), yang bertindak untuk dan bagi pihak AmFIRST REIT, adalah dengan ini diberi kuasa untuk memberi kesan kepada resolusi ini dengan kuasa penuh untuk menyetujui sebarang syarat, variasi, pengubahsuaian dan/atau pindaan dalam apa-apa cara sebagaimana mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan atau sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah anggap adalah demi kepentingan terbaik Pemegang Unit AmFIRST REIT dan untuk berurusan dengan semua perkara berhubung dengannya dan untuk mengambil semua langkah dan melakukan semua perbuatan dan perkara dalam apa-apa cara sebagaimana yang mereka anggap perlu atau sesuai untuk melaksanakan, memuktamadkan dan menguatkuasakan sepenuhnya resolusi ini.

DAN PADA DALAM ITU BAHAWA Para Pengarah dan Pemegang Amanah, yang bertindak untuk dan bagi pihak AmFIRST REIT, adalah dengan ini diberi kuasa untuk memberi kesan dengan mengambil semua langkah dan melakukan semua tindakan, ikatan dan perkara dengan cara apa pun (termasuk memeterai dokumen yang mungkin diperlukan) sebagaimana yang difikirkan perlu atau berguna untuk melaksanakan, memuktamadkan, melengkapkan dan memberi kesan sepenuhnya kepada penguatkuasaan yang dicadangkan."

(3) PENINGKATAN MANDAT UMUM BAGI TERBITAN HAK SEHINGGA 50% DARIPADA JUMLAH BILANGAN UNIT YANG DITERBITKAN DALAM AmFIRST REIT SECARA PRO RATA ("PENINGKATAN MANDAT BAGI TERBITAN HAK") **RESOLUSI BIASA NO. 2**

"BAHAWA selaras dengan Syarat-syarat Penyenaiaan Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan kelulusan penguasa kawal selia yang berkenaan, di mana kelulusan tersebut diperlukan, dengan ini kuasa diberikan kepada Para Pengarah untuk yang berikut:

- untuk sementara atau sebaliknya bagi memperuntukkan dan menerbitkan unit baharu dalam AmFIRST REIT menurut terbitan hak sehingga 50% daripada jumlah unit terbitan dalam AmFIRST REIT ("Unit Hak") secara pro rata kepada pemegang unit AmFIRST REIT yang disenaraikan dalam Rekod Pendeposit AmFIRST REIT pada masa penutupan urus niaga pada tarikh kelayakan yang akan ditentukan dan diumumkan kemudian oleh Para Pengarah;
- untuk menentukan harga terbitan Unit Hak, yang hendaklah bernilai tidak lebih daripada diskaun 30% daripada harga secara teori unit tiada hak tersebut;
- untuk melaksanakan semua tindakan dan perkara diperlukan dalam penyenaiaan dan sebutharga Unit Hak itu tetapi tidak terhad untuk permohonan yang dibuat kepada Bursa Malaysia Securities Berhad;

BAHAWA Peningkatan Mandat bagi Terbitan Hak hendaklah berkuatkuasa dan terus berkuatkuasa dari tarikh pemegang unit meluluskan resolusi ini sehingga 31 Disember 2021;

BAHAWA mana-mana Unit Hak yang tidak dibeli hendaklah dibuka untuk permohonan berlebihan kepada pemegang unit yang layak dan telah membuat permohonan untuk Unit Hak berlebihan itu; dan bertujuan untuk diperuntukkan secara adil dan saksama yang akan ditentukan oleh Para Pengarah;

BAHAWA apa-apa kelayakan pecahan Unit Hak yang timbul daripada terbitan hak, jika ada, hendaklah diabaikan dan diuruskan oleh Para Pengarah mengikut budi bicara mutlak mereka dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai dan mustahak demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT;

BAHAWA dengan ini kuasa diberikan kepada Para Pengarah dan Pemegang Amanah yang bertindak bagi pihak AmFIRST REIT untuk menggunakan perolehan daripada terbitan hak selaras dengan Peningkatan Mandat bagi Terbitan Hak dan diberi kuasa sepenuhnya untuk mempelbagaikan cara dan/atau tujuan penggunaan perolehan itu oleh Para Pengarah mengikut budi bicara mutlak mereka dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai, perlu dan mustahak dan/atau demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT, tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan, seperti yang diperlukan;

BAHAWA Unit Hak semasa peruntukan dan terbitan akan dibuat dalam kelas yang sama dan secara pari passu dalam semua hal dengan satu sama lain dan dengan Unit sedia ada yang terdahulu, terjamin dan terkecuali Unit Hak tidak layak untuk apa-apa jenis pendapatan, hak, peruntukan boleh agih dan/atau apa-apa pengagihan lain yang boleh diisytiharkan, dibuat atau dibayar kepada pemegang unit AmFIRST REIT, di mana tarikh kelayakan adalah sebelum atau pada tarikh peruntukan Unit Hak tersebut;

DAN SESUNGGUHNYA BAHAWA Para Pengarah dan Pemegang Amanah yang bertindak bagi pihak AmFIRST REIT dengan ini diberikan kuasa untuk menandatangani dan memeterai semua dokumen, bersetuju kepada apa-apa pengaturan, persetujuan, dan/atau melakukan akujanji dengan mana-mana pihak, menyempurnakan semua yang diperlukan untuk memberi kesan kepada Peningkatan Mandat bagi Terbitan Hak dengan kuasa penuh untuk bersetuju kepada apa-apa syarat, perbezaan, pengubahan dan/atau pindaan termasuk untuk mempelbagaikan cara dan/atau tujuan penggunaan perolehan yang dihasilkan daripada Peningkatan Mandat bagi Terbitan Hak, jika perlu, dengan apa-apa cara yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan, dan untuk berurusan dengan semua perkara yang berkaitan dengannya, dan untuk mengambil semua langkah-langkah dan menyempurnakan semua tindakan dan perkara dalam apa-apa cara yang dianggap perlu dan/atau mustahak untuk dilaksanakan, dimuktamadkan dan memberi kesan penuh kepada Peningkatan Mandat bagi Terbitan Hak demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT.

**Dengan Perintah Lembaga Pengarah
AmREIT MANAGERS SDN BHD
No. Pendaftaran 20060101214 (730964-X)
Pengurus bagi AmFIRST Real Estate Investment Trust**

Chan Sau Leng (MAICSA 7012211) (SSM PC No.: 202008002709)
Ruzeti Emar Binti Mohd Rosli (LS0010372) (SSM PC No.: 202008000974)
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur
31 Mei 2021

NOTA PENERANGAN:-

(A) Penyata Kewangan Diaudit
Agenda ini adalah bertujuan untuk berbincang sahaja dan tidak memerlukan persetujuan yang rasmi daripada pemegang-pemegang Unit. Oleh yang demikian, ianya tidak akan dikemukakan bagi undian.

(B) Resolusi Biasa No. 1 – Cadangan Penambahan Jumlah Bilangan Unit AmFIRST REIT Sedia Ada yang diterbitkan daripada 686,401,600 Unit sehingga jumlah maksimum sebanyak 823,681,920 Unit dalam AmFIRST REIT ("Unit-Unit").

Resolusi Biasa No. 1, sekiranya diluluskan, akan memberi Lembaga Pengarah Pengurus ("Para Pengarah") dari tarikh MAT yang akan datang, kuasa untuk memperuntuk dan menerbit sehingga dua puluh peratus (20%) daripada jumlah bilangan Unit AmFIRST REIT sedia ada yang diterbitkan buat masa ini, jika dan apabila ada keperluan atau peluang perniagaan timbul yang mana Para Pengarah anggap adalah demi kepentingan AmFIRST REIT. Kuasa ini, melainkan dibatalkan atau diubah pada Mesyuarat Agung, akan luput pada MAT yang akan datang.

(C) Resolusi Biasa No. 2 – Peningkatan Mandat Umum bagi Terbitan Hak sehingga 50% daripada Jumlah Bilangan Unit yang Diterbitkan dalam AmFIRST REIT secara Pro Rata.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia Securities Berhad pada 10 November 2020 telah mengumumkan langkah kelonggaran sementara yang membolehkan penerbit tersenarai untuk mengumpul dana sekunder melalui peningkatan mandat umum bagi terbitan hak untuk saham atau unit sehingga 50% daripada jumlah saham terbitan (tidak termasuk saham perbendaharaan) atau unit terbitan mengikut keperluan secara pro rata. Peningkatan mandat umum untuk terbitan hak ini tertakluk kepada syarat-syarat tertentu termasuk, antara lain, bahawa harga terbitan saham atau unit tidak melebihi diskaun 30% daripada harga secara teori saham atau unit tiada hak, dan penerbit tersenarai yang layak mestilah mempunyai surat jaminan yang tidak boleh ditarik balik daripada pemegang unit sedia ada yang mempunyai pengaruh yang berkepentingan, mengikut keperluan untuk melanggan kelayakan penuh mereka di dalam pelaksanaan terbitan hak ini. Peningkatan mandat umum boleh digunakan oleh penerbit tersenarai yang layak untuk menerbitkan saham hak atau unit baharu sehingga 31 Disember 2021.

Para Pengarah setelah mempertimbangkan suasana ekonomi semasa yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan keperluan kewangan masa hadapan AmFIRST REIT, dengan ini berpendapat bahawa Peningkatan Mandat bagi Terbitan Hak ini adalah demi kepentingan terbaik AmFIRST REIT dan pemegang unitnya kerana Peningkatan Mandat bagi Terbitan Hak ini memberi kelonggaran kepada AmFIRST REIT dalam pilihan untuk mengumpul dana bagi memenuhi keperluan pendanaan AmFIRST REIT untuk modal kerja, membayar balik pinjaman dan/atau pelaburan masa hadapan; dan membolehkan AmFIRST REIT untuk menambahkan dana melalui terbitan hak dengan cara yang cepat tanpa kelewatan dan menanggung kos tambahan untuk mengadakan mesyuarat agung berasingan bagi mendapatkan kelulusan pemegang unit untuk kebenaran terbitan hak unit.